

---

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**JFP 466 – OPSYEN DAN PASARAN HADAPAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab ENAM (6) soalan sahaja. Jawab SEMUA soalan di Bahagian A dan pilih DUA (2) soalan di Bahagian B.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tulis angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Soalan Bahagian A diperuntukkan 80 markah dan Bahagian B diperuntukkan 20 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

**BAHAGIAN A [80 markah]**  
**Jawab SEMUA soalan**

**SOALAN 1 (20 markah)**

Terdapat EMPAT (4) jenis opsyen asas iaitu:

- (i) belian panggilan (*buy a call*)
- (ii) menulis panggilan (*write a call*)
- (iii) belian letakkan (*buy a put*)
- (iv) menulis letakkan (*write a put*)

Anda dikehendaki;

- (a) Jelaskan keempat-empat opsyen tersebut. (8 markah)
- (b) Kelaskan keempat-empat sebagai 'bearish' atau 'bullish' (6 markah)
- (c) Terangkan maksud 'bearish' dan 'bullish' (6 markah)

**SOALAN 2 (20 markah)**

- (a) Andaikan anda mempunyai sebuah syarikat yang sentiasa membeli bahan mentah daripada negara luar.

Senaraikan alasan yang menyokong dan menentang polisi lindung nilai berterusan (*continual hedging*) bagi risiko tukaran asing (*foreign exchange risk*) dengan menggunakan pasaran hadapan tukaran asing (*foreign exchange futures*).

(10 markah)

- (b) Adakah benar jika anda menjangkakan dengan lindung nilai (*hedging*) melalui pasaran hadapan tukaran asing (*foreign exchange risk*), ia akan meningkatkan kadar pulangan yang dikehendaki (*required rate of return*) dalam jangkamasa panjang?

(10 markah)

**SOALAN 3 (20 markah)**

- (a) Apakah peranan yang dimainkan oleh statistik tempoh (*duration statistic*) di dalam lindung nilai (*hedging*) dalam pasaran hadapan kadar faedah (*interest rate futures*)? (10 markah)
- (b) “Apabila indeks pasaran hadapan (*stock index futures*) dan opsiyen letakkan (*put option*) boleh digunakan untuk mengurangkan risiko portfolio saham (*risk of a stock portfolio*), tetapi kontrak hadapan (*futures contracts*) merupakan pilihan termurah”, terangkan kenapa kontrak hadapan (*futures contracts*) adalah pilihan termurah. (10 markah)

**SOALAN 4 (20 markah)**

- (a) “Kewangan ialah ilmu tentang (*arbitraj*)”. Apakah maksudnya? (10 markah)
- (b) Terangkan tentang kejuruteraan kewangan (*financial engineering*). (10 markah)

**BAHAGIAN B [20 markah]**

Pilih DUA (2) dari TIGA (3) soalan di bawah.

**SOALAN 5 (10 markah)**

Bil perbendaharaan akan matang dalam tempoh 60 hari lagi dan dijual pada harga RM9,950. Harga muka (*par value*) ialah RM10,000. Apakah kadar hasil setara (*equivalent yield*) bon tersebut?

**SOALAN 6 (10 markah)**

Terangkan “*interest rate swap*”, “*foreign currency swap*” dan “*circus swap*”.

**SOALAN 7 (10 markah)**

Terangkan kenapa “*plain vanilla interest swap*” tidak mempunyai nilai permulaan jika harganya pada harga pasaran.